

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YANG BERBAHAGIA**

**PROF. DATUK TS. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**

**NAIB CANSELOR**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN**

**“ACADEMIC LIBRARIAN SEMINAR UNIVERSITI  
TEKNOLOGI MARA (ACALIS) 2023”**

**dan**

**APLIKASI PINTAR PERPUSTAKAAN  
“MobileApp@UiTM Library”.**

**27 FEBRUARI 2023 | ISNIN | 11 PAGI**

**ILD UiTM BANDAR ENSTEK**

**NEGERI SEMBILAN**

**Terima kasih saudara pengacara majlis;**

***Bismillahirrahmanirrahim,***

***Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan  
Salam Sejahtera***

**(SALUTASI – KEMASKINI BERDASARKAN  
KEHADIRAN]**

**Yang Berusaha Encik Jamalludin Haji Sulaiman**  
Ketua Pustakawan

**Yang Berusaha Ts. Mohd Rafizi Rahmad**  
Pengarah PPK  
Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD)

**Yang Berusaha Encik Syaiful Hisyam Saleh**  
Pengerusi Program

**Yang Berusaha Dr. Nor Edzan Binti Che Nasir**

**(JAWATAN)**

**Selaku Ucaptama**

**Yang Berbahagia Berusaha Encik Azim Rashdi**

**JAWATAN**

Digital Transformation Strategist, Malaysia Airports

Selaku Pembentang Jemputan

Seterusnya para hadirin yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul pada hari sempena Majlis Perasmian “**Academic Librarian Seminar Universiti Teknologi MARA (ACALIS) 2023**.”

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan tahniah kepada pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak selaku penganjur ACALIS 2023 dan semua yang terlibat dalam memastikan kelancaran program ini.

3. Majlis pada hari ini memberikan peluang yang sangat bermakna kepada saya kerana dapat bersama-sama dengan 156 orang pustakawan yang merupakan pengurus maklumat profesional universiti dari UiTM seluruh Malaysia.

4. Saya difahamkan bahawa program ini bermula pada malam semalam dan akan tamat pada hari esok. Saya sangat yakin, tuan-tuan dan puan-puan telah mengambil peluang dan kesempatan yang diberikan untuk mencurahkan segala idea dan pandangan yang

bermanfaat bagi memastikan semua Perpustakaan UiTM sentiasa *Relevant, Referred, and Respected*.

**Hadirin sekalian,**

5. Sering kali saya katakan bahawa saya mahukan Keluarga UiTM menjadikan PTAR sebagai rakan akrab anda.

6. Itu merupakan pesanan yang sentiasa saya sampaikan ketika mengadakan lawatan ke kampus-kampus. PTAR mempunyai peranan yang sangat penting dalam memberikan perkhidmatan yang bukan sahaja menyokong aktiviti akademik, pembangunan pelajar, penyelidikan dan inovasi malah menjadi penghubung jaringan perpustakaan dalam dan luar negara. Ia bertujuan agar mudah untuk Keluarga UiTM mendapat akses rujukan yang lebih meluas secara maya dan digital.

7. Sehubungan itu, dengan peranan PTAR sebagai Perpustakaan Akademik Mega di Malaysia, tanggungjawab sebagai *enabler* perlu digalas dalam

menyokong kesarjanaan dan pengembangan pendidikan warga Universiti.

8. Saya pasti, warga UiTM sangat bertuah dan bersyukur kerana UiTM mempunyai pelbagai koleksi sumber rujukan yang diuruskan oleh perpustakaan kita. Koleksi ini bukan sahaja dalam bentuk bercetak dan elektronik malah terdapat juga platform *Open Educational Resources* yang sangat membantu pelajar untuk pengaksesan sumber rujukan terbuka dan percuma di seluruh dunia.

9. Pada masa yang sama, kepentingan konsep *Personalised Education* perlu ditekankan. Kita perlu lebih peka kepada keperluan maklumat mengikut profile pengguna maklumat universiti. Tahniah kepada PTAR yang telah membangunkan **My Knowledge Management (MyKM) Portal** untuk tujuan itu.

10. Bersempena dengan ACALIS ini, **UiTM Library Mobile App** akan turut dilancarkan. Tahniah sekali lagi diucapkan kepada PTAR atas usaha mewujudkan aplikasi pintar perpustakaan berkonsepkan *Mobile Learning* bagi membolehkan maklumat perpustakaan dan sumber rujukan diakses *anytime* dan *anywhere*.

### **Hadirin yang dihormati**

11. Alhamdulillah pada 16 Februari yang lalu, Program Coffee Talk With Rozie (CTWR) telah berlangsung di Ruang Media, PTAR Shah Alam dan sekali lagi pada 23 Februari saya ke PTAR untuk merasmikan Program Kerjaya Graduan anjuran PTAR dengan kerjasama Perkeso.

12. Apa yang ingin saya sampaikan di sini adalah peranan perpustakaan sebagai Gedung Ilmu tidak terhad kepada buku, meja dan kerusi sahaja, malah ia lebih daripada itu. Banyak ruang-ruang pembelajaran dengan persekitaran yang kondusif telah disediakan oleh PTAR Shah Alam khususnya dan saya pasti ia juga

dilaksanakan di semua perpustakaan cawangan yang lain.

13. Program Kerjaya Graduan merupakan program yang berjaya menarik perhatian warga universiti dan komuniti setempat untuk berkunjung ke perpustakaan sambil merebut peluang pekerjaan yang disediakan sepanjang program berlangsung. Ini adalah contoh program kolaborasi yang memberikan impak kepada universiti khususnya pelajar tahun akhir, graduan UiTM dan komuniti. Semoga PTAR dan Perpustakaan Cawangan yang lain akan terus mempergiatkan usaha kolaborasi bersama industri agar ketampakan peranan perpustakaan dan pustakawan akan terus menyerlah dan kekal relevan.

14. Menjadi universiti terkemuka dunia merupakan sasaran utama UiTM. Oleh itu, program-program anjuran perpustakaan seharusnya memberikan impak yang besar dalam pengajaran dan pembelajaran melalui program galakan membaca ataupun literasi maklumat dan juga *speed reading*.



15. Membolehkan pelajar yang telah tamat pengajian terus menggunakan perkhidmatan perpustakaan dengan menjadi ahli luar juga merupakan satu Inisiatif sebagai langkah proaktif dalam mewujudkan jaringan bersama Alumni UiTM sejajar dengan matlamat UiTM.

### **Hadirin yang dihormati sekalian**

16. Saya ingin memetik apa yang ditekankan di dalam amanat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tempoh hari berkaitan "*current and future technological disruption*" terhadap pengajaran, pembelajaran dan tata kelola institusi kita.

17. Saya melihat Perpustakaan UiTM turut mempunyai fokus berkaitan *Social media and disruptive technological innovation in libraries* di dalam ACALIS. Semoga melalui beberapa pembentangan berkaitan perkara ini akan mengupas trend dan revolusi teknologi yang berlaku dan memberikan kesan kepada keperluan maklumat.

18. Selain itu, ACALIS turut mempunyai fokus terhadap *Librarian as social agents in promoting sustainable development goals (SDG) activities*. Ini sangat bertepatan dengan Fokus ke 9 aspirasi KPT iaitu Kualiti dan Kecemerlangan Akademik yang mana sekarang kita memerlukan setiap individu khususnya warga universiti untuk mempunyai *smart and sharp skills*.

19. Pada pandangan saya, telah tiba masanya pustakawan meningkatkan ilmu pengetahuan yang ada dengan menyebarkan ilmu tersebut melalui kajian dan penulisan supaya bidang kepustakawanan dapat diterokai dengan lebih luas dan cadangan penambahbaikan dirujuk serta dilaksanakan bagi mendepani cabaran pengurusan maklumat dan perpustakaan pada masa hadapan.

20. Saya maklum bahawa PTAR telah menggerakkan *Talent Pool* untuk melahirkan barisan pustakawan di dalam *Subject Matter Expert*. Saya berbangga untuk menyatakan Pelan Pembangunan Bakat iaitu *Talent*

*Pool PTAR* dengan mekanisme pemantauan yang sistematis telah saya jadikan sebagai contoh yang terbaik untuk diaplikasikan di peringkat universiti. Syabas PTAR!

21. Saya berharap kredibiliti dan kompetensi pustakawan UiTM di setiap kampus ditonjolkan dan dilibatkan dalam setiap aktiviti akademik dan fakulti agar dapat membantu secara langsung dalam aspek pengajaran dan pembelajaran.

22. Saya juga berharap semua inisiatif yang telah diusahakan oleh Perpustakaan UiTM dapat diterjemahkan dan dikongsikan melalui penulisan dan kajian yang akan dibentangkan di dalam ACALIS pada kali ini.

### **Hadirin sekalian**

23. Sekali lagi setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis ini.

24. Semoga usaha dan komitmen kita dalam menjayakan program ini akan memberi pelbagai impak yang positif bukan sahaja kepada perkembangan perkhidmatan perpustakaan malah kepada matlamat UiTM dalam menjadi universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025.

25. Dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirahim' saya dengan ini merasmikan Program **"ACADEMIC LIBRARIAN SEMINAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (ACALIS) 2023"** dan **Aplikasi pintar perpustakaan "MobileApp@UiTM Library"**.

**Sekian,**

**Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum**

**Warahmatullahi Wabarakatuh.**